

TRETINON CREAM

Tretinooin (0.05% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan TRETINON CREAM
2. Bagaimana TRETINON CREAM berfungsi
3. Sebelum menggunakan TRETINON CREAM
4. Cara menggunakan TRETINON CREAM
5. Semasa menggunakan TRETINON CREAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan TRETINON CREAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan TRETINON CREAM

Merawat jerawat.

Bagaimana TRETINON CREAM 0.05% berfungsi

Tretinooin adalah sejenis agen yang mengubah suai proses pembaharuan sel kulit.

Sebelum menggunakan TRETINON CREAM

Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah kepada mana-mana komponen dalam TRETINON CREAM dan jika anda mempunyai kanser kulit yang dikenali *cutaneous epithelioma* atau mempunyai sejarah keluarga yang pernah menghidapinya. Ia tidak boleh digunakan pada mata, mulut, permukaan mukus (seperti kawasan kemaluan atau bahagian dalam mulut). Ia juga tidak digalakkan untuk digunakan pada kulit yang rengsa (seperti kulit mengelupas, selaran matahari dan lain-lain). Orang yang mempunyai ekzema tidak boleh menggunakan gel ini. Penggunaan TRETINON CREAM juga tidak sesuai untuk wanita mengandung.

-Sebelum mula menggunakan TRETINON CREAM

Untuk kegunaan luar sahaja. Penggunaan yang berlebihan perlu dielakkan.

Pendedahan terhadap sinaran matahari yang melampau, termasuk dengan cahaya lampu, perlu dielakkan semasa menggunakanannya, atau krim pelindung cahaya yang effektif perlu digunakan.

Penggunaan kosmetik boleh digunakan, tetapi pada bahagian yang dirawat perlu dibersihkan sepenuhnya sebelum ubat ini diaplikasikan.

Kanak-kanak: Kajian keselamatan dan kadar efektif terhadap kanak-kanak belum dipastikan.

Mengandung dan menyusukan kanak-kanak
Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda hamil atau menyusukan anak. Penggunaan topikal tretinooin tidak disarankan ketika mengandung, terutamanya pada trimester yang pertama kecuali potensi manfaat melebihi risiko kepada janin atau kandungan.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Elakkan daripada menggunakan ubat lain, sabun, pembersih atau kosmetik pada bahagian di mana anda menyusu TRETINON CREAM kecuali doktor atau ahli farmasi membenarkan. Gunakan TRETINON CREAM bersama dengan ubat mengandungi sulfur, resorcinol atau salicylic acid dengan berhati-hati.

Cara menggunakan TRETINON CREAM

-Berapa banyak harus digunakan

Sapukan pada bahagian berkenaan dalam lapisan yang nipis sekali sehari.

-Bila perlu digunakan

TRETINON CREAM perlu disapukan mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Disyorkan pada waktu malam, selepas membersihkan dengan sabun dan air. Biarkan kering sebelum menggunakan.

-Berapa lama perlu digunakan

Guna krim mengikut arahan doktor.

Kesan terapi mungkin menjadi jelas selepas menggunakan selama 2 hingga 3 minggu, tetapi penggunaan melebihi 6 minggu mungkin diperlukan untuk kesan yang optimal.

-Jika terlupa menggunakanannya

Jika anda terlupa untuk menggunakan krim, gunakan secepat mungkin dan teruskan penggunaannya seperti biasa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Kemerahan, kulit mengelupas, atau ketidakselesaan kulit mungkin berlaku.

Semasa menggunakan TRETINON CREAM

-Perkara yang perlu dilakukan

Dinasihatkan menggunakan krim ini seperti yang dinyatakan pada label atau mengikuti arahan doktor atau ahli farmasi.

Sila memberhentikan TRETINON CREAM jika didapati sensitiviti atau kerengsaan selepas menggunakanannya. Elakkan pendedahan kepada cahaya ultraungu termasuk matahari dan lampu ultraungu.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menyentuh krim dengan mata anda atau simpan di tempat yang senang dicapai oleh kanak-kanak. Jangan menelan krim ini, jika kejadian tersebut berlaku, lavaj gastrik perlu dilakukan serta-merta.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan mengendalikan jentera
Jangan menggunakan TRETINON CREAM sehingga anda tahu bagaimana ia memberi kesan terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Kes iritasi kulit seperti kehangatan, kepedihan, kemerahan, kegatalan, perbentukan kerak, menggelupas, pembengkakan muka, hiperpigmentasi, hipopigmentasi, luka jerawat akibat keradangan bertambah, dan reaksi yang melampau terhadap pendedahan pada sinaran matahari telah dilaporkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel.: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan TRETINON CREAM

-Penyimpanan

Simpan dalam bekas yang kedap udara. Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi tentang cara pelupusan.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Krim berwarna kuning.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Tretinooin
- Bahan tidak aktif
Stearyl Alcohol
Polyethylene Glycol Monostearate
Xanthan Gum

Stearic Acid
Isopropyl Myristate
Sorbic Acid
Butylated Hydroxytoluene
Titanium Dioxide

-Nombor MAL
MAL19991434A

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan
Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000
Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

24/02/2016

Nombor Siri

BPK(R4/1)240216/00061